

PERKEMBANGAN DAN PRESTASI INDUSTRI TAKAFUL DI MALAYSIA (1986-2006)

Oleh:
Noor Hashim Taib ¹

Abstrak

Satu kajian yang melihat perkembangan dan prestasi industri takaful di Malaysia bermula pada tahun penubuhan iaitu pada tahun 1986 sehingga 2006 (selama 30 tahun). Tujuan kajian ini adalah untuk melihat prospek dan potensi industri takaful di Negara ini yang semakin diterima ramai oleh rakyat Malaysia. Perkara yang diberi keutamaan dalam tulisan ini adalah berkaitan fasa-fasa perkembangan industri takaful, prestasi industri takaful secara keseluruhan, peningkatan dalam caruman takaful, peningkatan Perniagaan Baru Takaful Keluarga dan akhir sekali analisa perbandingan prestasi industri takaful dengan industri insurans di Malaysia.

Kata Kunci: *Industri Takaful di Malaysia, Perkembangan dan Penembusan Pasaran Takaful, Peningkatan Dalam Jumlah Aset Terkumpul, Potensi Industri Takaful.*

PENDAHULUAN

Takaful merupakan industri yang berkembang dan pesat membangun di Malaysia. Kemunculan perbankan dan sistem kewangan Islam dalam dunia perbankan telah memberi ruang kepada sistem takaful yang berasaskan konsep *al-takāful* dilaksanakan dan menjadi alternatif kepada insuran konvensional yang berasaskan riba, *gharar* dan perjudian.

Takaful adalah satu instrumen kewangan yang mempunyai kepentingan kepada ekonomi yang mana ia adalah alat untuk menangani risiko ketidakpastian terhadap kerugian ekonomi. Seperti

¹ Noor Hashim b. Taib (Ph.D), Pensyarah Jabatan Muamalat, Kolej Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra (KIAS).

mana insurans konvensional, takaful direka cipta untuk menyediakan perlindungan dan ganti rugi kepada individu dan badan korporat akibat kerugian atau bahaya kepada diri atau harta benda.

Malaysia merupakan negara pertama yang merintis perniagaan takaful di Asia melalui penubuhan Syarikat Takaful Malaysia Sdn. Bhd. iaitu anak syarikat kepada Bank Islam Malaysia Bhd. Sehingga kini, industri takaful merupakan industri yang berkembang pesat dalam pasaran kewangan selain daripada perbankan Islam, perkembangan ini memberi gambaran bahawa Islam mempunyai alternatif terbaik kepada umatnya dalam pengendalian dan pengurusan risiko.

DEFINISI TAKAFUL

Takaful² dalam bahasa Arab adalah bermaksud kesepakatan oleh kumpulan orang bagi menjamin dan saling menjamin sesama mereka. Setiap ahli dalam kumpulan berkenaan secara bersama menolong orang yang memerlukan dalam kumpulan tersebut. Konsep ini mengandungi prinsip-prinsip kerjasama, saling tolong-menolong dan bertanggungjawab bersama yang merupakan asas kepada sistem insurans Islam.³

Mengikut *Kamus Dewan*, takaful adalah insurans yang didasarkan pada atau yang mengikut asas-asas dan hukum-hukum agama Islam.⁴ Takaful adalah sistem insurans secara Islam yang mengikut landasan hukum syarak dalam bentuk moden yang merupakan bidang perniagaan yang baru diterokai.⁵

² Edward William Lane (1984) *Arabic-English Lexicon* Vol. 1 Cambridge: t.p h. 3001, R. Dozy (1927) *Supplement Aux Dictionnaires Arabes*, Vol. 2, Leiden and Paris: T.P h. 478. Al-takāful dalam bahasa Arab bermaksud saling jamin menjamin. Ia boleh digambarkan sebagai ikatan antara ahli kumpulannya atau peserta bersetuju untuk sama menjamin antara mereka terhadap kerugian atau kerosakan yang akan menimpa ke atas setiap seorang daripada mereka dalam persetujuan yang telah ditetapkan. Setiap ahli yang menghadapi malapetaka atau bencana akan menerima sejumlah wang tertentu atau kemudahan kewangan daripada dana seperti mana ditetapkan dalam ikatan tersebut bagi membantu menghadapi kerugian atau kerosakan.

³ Sami A. Hanna (1969) "*Al-Takāful al-Ijtīmā'i and Islamic Socialism*", *The Muslim World*, Vol. 59, h. 275-268.

⁴ Kamus Dewan Edisi Ketiga (2002), *Dewan Bahasa dan Pustaka*, h. 1347-1348

⁵ Ab. Mumin Ab. Ghani (1999), *Sistem Kewangan Islam dan Pelaksanaannya di Malaysia* t.t.p: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, h. 340.

Dalam istilah Arab, takaful adalah bermakna saling bertanggungjawab atau pun dapat memberi perlindungan bersama. Sikap dan budaya memikul tanggungjawab bersama dengan niat baik adalah dituntut oleh Islam sebagai satu ibadah.⁶

Dengan kata lain takaful bererti terdapatnya kesatuan dalam masyarakat yang bertujuan membangunkan masyarakatnya dengan setiap anggota masyarakat yang mampu atau berkeupayaan sanggup memberi sumbangan kepada kesatuannya untuk kemajuan atau kebaikan bersama.

Justeru, setiap kekuatan dalam masyarakat tersebut akan bersatu dengan terkumpulnya sumbangan dana bagi tujuan memelihara kemaslahatan masyarakat dalam kesatuan tersebut dan dapat pula mempertahankan diri mereka daripada sebarang kemudaratan yang menimpa. Ini sudah tentu akan dapat membantu membangunkan masyarakatnya atas landasan yang betul.⁷ Manakala secara konsepnya, takaful bermaksud memberi galakan atau menggesa setiap masyarakat melaksanakan kewajipannya terhadap masyarakat. Sekiranya ia cuai, ia akan membantutkan pertumbuhan kemajuan terhadap dirinya dan juga anggota masyarakat yang lain.⁸

Firman Allah S.W.T dalam al-Quran yang bermaksud:

Demi sesungguhnya Kami akan menguji kamu dengan sedikit ketakutan, kelaparan dan kekurangan daripada harta benda dan jiwa serta hasil tanaman. Dan berilah khabar gembira kepada orang yang sabar. Orang yang apabila mereka ditimpa oleh sesuatu kesusahan, mereka berkata: Sesungguhnya kami kepunyaan Allah dan kepadaNya kami kembali. Mereka itulah orang yang dilimpahi dengan kebaikan daripada Tuhan mereka serta rahmatNya, dan mereka itulah orang yang mendapat petunjuk hidayahNya. (Al-Baqarah 155-157)

⁶ Ensiklopedia Malaysiana (1996), t.tp: Anzagain Sdn. Bhd, j. 12, h. 433

⁷ Muhammad Abu Zahrah (1964), *al-Takāful fi al-Ijtimāi fi al-Islāmī*, t.tp: t.tp, h. 7 dan Nik Ramlah Nik Mahmood (1991) "*Takaful: The Islamic System of Mutual Insurance-The Malaysian Insurance*, t.tp: Arab Quarterly, h. 286-287.

⁸ *Ibid.*

Ayat di atas menunjukkan bahawa manusia tidak dapat lari menerima ujian Allah S.W.T dalam mengharungi kehidupan di dunia ini adalah merupakan qada dan qadar Allah S.W.T yang terpaksa kita menerimanya dengan hati yang reda. Islam adalah agama yang dinamik dan sempurna mengajar kita supaya bersedia untuk menghadapi ujian, tidak bererti seorang itu tidak wajar melakukan sesuatu atau sekadar berpeluk tubuh sahaja. Sebaliknya dalam Islam digalakkan kita sentiasa bersedia dan berikhtiar untuk mengelakkan risiko tetapi dalam masa yang sama meringankan kesan yang kena ditanggung seandainya risiko itu melanda. Ini adalah jalan ikhtiar yang boleh difikirkan dan dilaksanakan oleh manusia selain berdoa dan berserah pada takdir.

Banyak hadis Rasulullah S.A.W yang menyentuh tentang kerjasama, saling tolong bantu dan bertanggungjawab bersama, antaranya ialah:

1. Kepentingan peranan takaful terhadap masyarakat adalah berlandaskan hadis Rasulullah S.A.W yang bermaksud:

*Perbandingan dan perumpamaan orang beriman itu dari sudut berkasih sayang dan bertimbang rasa sesama mereka adalah seumpama suatu lembaga badan manusia, apabila sahaja suatu anggotanya merasa sakit, maka seluruh badan dan tubuh itu akan menderita tidak lelap tidur dan diserang demam.*⁹

2. Dan sabdanya lagi yang bermaksud:

*Seorang mukmin dengan mukmin yang lain seperti sebuah bangunan yang mana tiap-tiap bahagian dalam bangunan itu mengukuh bahagian yang lain.*¹⁰

Sehubungan dengan itu, setiap individu dan organisasi wajar menyertai takaful sama ada untuk manfaat perlindungan diri, keluarga mahu pun harta benda organisasi.

⁹ Muslim, Ṣaḥīḥ Muslim (1995), “*Kitāb al-Birr*”, no. h. 66, j. 4, Bayrūt: Dār Ibn Ḥazm, h. 1587.

¹⁰ *Ibid.*, no. h. 65, h. 1587.

INDUSTRI TAKAFUL DI MALAYSIA

1. Sejarah Terbentuknya Industri Takaful di Malaysia

Takaful merupakan satu bentuk perlindungan yang baru diperkenalkan di Malaysia. Ia mula diilhamkan berikutan keputusan daripada Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan dalam persidangan yang kelima pada 15 Jun 1972 yang memutuskan insurans nyawa sebagaimana yang dijalankan oleh syarikat-syarikat insurans adalah *fāsid* dan tidak sesuai dengan prinsip Islam dari segi akadnya kerana mengandungi unsur-unsur *gharar* judi dan muamalah riba. Maka, hukumnya adalah haram.¹¹

Dalam tahun 1982, Jawatankuasa Pemandu Kebangsaan bagi penubuhan Bank Islam dalam laporannya kepada Kerajaan Malaysia telah menyatakan keperluannya untuk menubuhkan Insurans Islam untuk keperluan Bank Islam dan juga selaras dengan polisi kerajaan pada masa itu untuk menerapkan nilai-nilai Islam dalam pentadbiran kerajaan. Dalam tahun 1982, satu badan petugas dibentuk untuk mengkaji dan mewujudkan pengendalian insurans mengikut kaedah muamalah Islam.

Badan Petugas ini terdiri daripada ulama, pakar perundangan, wakil peguam dan ketua pengarah insurans yang beragama Islam. Profesor Ahmad Ibrahim, seorang pakar dalam Undang-undang Islam diminta mengetuai Badan Petugas ini untuk mengkaji perkara tersebut. Tujuan utama badan petugas ini adalah menyediakan rangka kerja sepenuhnya berhubung dengan prospek penubuhan insurans secara Islam di Malaysia. Badan petugas ini telah membuat lawatan keluar negara seperti Arab Saudi, Mesir dan Switzerland bagi mengkaji operasi dan pengurusan berhubung dengan syarikat yang berkaitan di sana. Laporan Kajian kebolehsanaan *feasibility* berhubung pengendalian Insurans Islam dan cadangan telah diserahkan kepada Kerajaan Malaysia pada 10 April 1984 oleh Badan Petugas. Pengerusi Badan Petugas telah menyerahkan laporan tersebut kepada Perdana Menteri selepas beberapa pindaan dibuat terhadap laporan berkenaan.

¹¹ Laporan Badan Petugas Penubuhan Syarikat Insurans Secara Islam di Malaysia (1984), h. 1.

Antara saranan yang dicadangkan oleh Badan Petugas itu adalah syarikat berasaskan konsep takaful perlu ditubuhkan bagi menyediakan kemudahan insurans secara Islam. Syarikat takaful hendaklah dikawal selia oleh Badan Penasihat Syariah supaya perjalanan perniagaannya adalah mengikut prinsip-prinsip Islam dan satu perundangan dirangka bagi mendaftar dan mengawal seluruh syarikat takaful perlu diadakan. Saranan dan cadangan ini telah diterima pakai oleh Kerajaan pada bulan Disember 1984 setelah Rang Akta Takaful diluluskan oleh Parlimen Malaysia.¹²

Akta tersebut dikenali sebagai Akta Takaful 1984. Akta ini yang berasaskan Akta Insurans 1963, diubah suai untuk memberi penekanan terhadap perjalanan pengendali takaful agar benar-benar sesuai dengan syariat Islam.¹³

Sementara itu, ada beberapa aspek penting yang dirumuskan dalam cadangan pengendalian operasi takaful oleh Badan Petugas seperti berikut:

- a. Syarikat tidak akan bertanggungjawab menanggung risiko tetapi para peserta secara bersama yang melindungi antara satu sama lain.
- b. Syarikat hanya bertindak sebagai pemegang amanah kepada para peserta dalam mengurus operasi perniagaan takaful. Syarikat tidak mempunyai apa-apa hak ke atas manfaat takaful.
- c. Kesemua sumbangan yang dibayar oleh peserta akan dimasukkan ke dalam dana takaful.
- d. Kesemua bayaran kepada manfaat takaful (tuntutan) akan dibayar daripada dana takaful. Wang yang dikreditkan ke dana tersebut boleh dilaburkan ke dalam perniagaan yang diluluskan oleh syariah.
- e. Sebarang keuntungan daripada operasi perniagaan, syarikat akan berkongsi sama menerimanya mengikut prinsip *mudharabah*.

¹² Lee Hock Lock (1997), *op.cit.*, h. 30

¹³ Azman b. Ismail & Kamaruzaman b. Abdullah (2000), *Takaful Teori & Praktis. The Malaysian Insurance Institute*, t.tp: Takaful Nasional Sendirian Berhad, h. 117.

- f. Mengikut prinsip *mudharabah*, syarikat sebagai *mudhārib* juga layak ke atas lebih keuntungan mengikut kadar yang telah dipersetujui.
- g. Di bawah sistem insurans Islam, sumbangan yang disumbangkan oleh peserta adalah atas niat *tabarru'* dan bukan pertukaran barangan, transaksi dibenarkan oleh syariah.¹⁴

Syarikat Takaful Malaysia Sdn. Bhd. merupakan syarikat takaful pertama ditubuhkan di Malaysia telah diperbadankan pada bulan November tahun 1984 dan seterusnya pada bulan Ogos tahun 1985, Syarikat Takaful Malaysia Sdn. Bhd. ini memulakan operasi perniagaannya. Sementara itu syarikat takaful kedua telah diberi lesen takaful pada tahun 1993 dikenali sebagai MNI Takaful dan telah memulakan operasi perniagaannya pada tahun 1994 dan sekarang dikenali pula sebagai Takaful Nasional Sdn. Bhd.¹⁵

Kedua-dua syarikat takaful ini menunjukkan kemajuan walaupun menghadapi saingan yang kuat daripada pengamal-pengamal insurans konvensional. Ini menunjukkan semakin ramai terutamanya orang Islam mulai sedar tentang pentingnya takaful.

2. Pemangkin Perkembangan Industri Takaful di Malaysia

Secara ringkasnya, Bank Negara Malaysia telah melaksanakan pendekatan secara berperingkat dalam perkembangan industri takaful di Malaysia dan boleh dibahagikan kepada tiga fasa utama iaitu:-

a. Fasa I (1984-1992)

Ini merupakan tempoh pembangunan infrastruktur asas dengan penggubalan undang-undang pengawal seliaan khusus iaitu Akta Takaful 1984 dan penubuhan satu pengendali takaful. Akta Takaful 1984 digubal menjadi satu peraturan kepada operasi takaful di Malaysia dan merupakan pengawal selia industri takaful dan merangkumi peruntukan pendaftaran pengendali takaful, penubuhan Lembaga Pengawasan Syariah dan lain-

¹⁴ Laporan Badan Petugas Penubuhan Syarikat Insurans Secara Islam di Malaysia (1984), h. 53-60

¹⁵ Azman b. Ismail & Kamaruzaman b. Abdullah (2000), *op. cit*, h. 117.

lain aspek pengawal seliaan oleh Ketua Pengarah Takaful.¹⁶ Berasaskan kepada peruntukan dalam Akta Takaful 1984, Ketua Pengarah dipertanggungjawab dengan pendaftaran dan semua tindakan yang dilakukan oleh broker, agen dan *adjuster* dalam pengamalan takaful.¹⁷ Akta ini juga memperuntukkan supaya Jawatankuasa Syariah ditubuhkan untuk memastikan operasi perniagaan takaful memenuhi prinsip syariah pada setiap masa. Di samping itu, Lembaga Pengawasan Syariah yang dilantik berfungsi sebagai penasihat bagi menjamin aktiviti perniagaan dan keseluruhan perjalanan syarikat tidak menyalahi undang-undang Islam.¹⁸

b. Fasa II (1993-2000)

Tempoh ini elemen persaingan diperkenalkan secara beransur-ansur yang mana satu lagi lesen pengendali takaful diluluskan memasuki perniagaan iaitu Syarikat Takaful National yang merupakan anak syarikat kepada Malaysia Nasional Insurance.

Industri takaful juga telah mengambil inisiatif untuk berkembang melepasi sempadan Malaysia dengan tertubuhnya Kumpulan Takaful ASEAN pada tahun 1995 dan dalam arena takaful semula dengan penubuhan ASEAN Retakaful International (L)., sebuah pengendali takaful semula luar pesisir pada tahun 1997. Perkembangan ini telah meningkatkan lagi kerjasama melalui perniagaan takaful semula terutamanya dalam kalangan negara-negara serantau iaitu Malaysia, Brunei, Indonesia dan Singapura.¹⁹

c. Fasa III (2001-2010)

Tempoh ini bermula dengan pelaksanaan Pelan Induk Sektor Kewangan (PISK) pada tahun 2001. PISK adalah pelan pembangunan yang berstruktur bagi industri takaful dengan memberi fokus kepada pelan tindakan yang spesifik bagi membina kapasiti pengendali takaful serta memantapkan rangka kerja pengawalan syariah dan perundangan. Ia juga bertindak

¹⁶ Lihat Laporan Tahunan Takaful (2004), Bank Negara Malaysia.

¹⁷ Seksyen 8 Akta Takaful 1984.

¹⁸ Akta Takaful 1984, Seksyen 8 (5) (b).

¹⁹ Lihat Laporan Tahunan Takaful 2004, Bank Negara Malaysia. Lihat juga En Wan Mohd Nazri b. Wan Osman, Puan Salbiah Amran dan En Ibrahim Iskandar Azmi (2005) "Kertas Kerja Sumbangan Takaful Terhadap Pembangunan Ekonomi Dalam Seminar Peranan Industri Takaful Dalam Pembangunan Ekonomi di Malaysia".

sebagai *road map* bagi merealisasikan aspirasi Malaysia untuk menjadi pusat serantau bagi industri kewangan Islam. Tempoh ini telah memperlihatkan perkembangan pesat pembangunan dan persaingan dengan tertubuhnya enam lagi pengendali takaful iaitu:-

- CIMB Aviva Takaful Berhad.
- Takaful Ikhlas Sdn. Bhd.
- Hong Leong Tokio Marine Takaful Bhd.
- HSBC Amanah Takaful (Malaysia) Sdn. Bhd.
- MAA Takaful Bhd.
- Prudential BSN Takaful Bhd. pada tahun 2002, 2003, 2005 dan 2006.²⁰

Penubuhan Persatuan Takaful Malaysia, sebuah persatuan mandatori bagi pengendali takaful pada tahun 2002 telah memantapkan lagi hala tuju bagi peningkatan pengaturan sendiri dan menggalakkan kerjasama antara peserta untuk membangunkan industri takaful.²¹

PERKEMBANGAN PRESTASI INDUSTRI TAKAFUL DI MALAYSIA

Penulis akan membincangkan prestasi industri takaful di Malaysia bermula daripada tahun 1986 sehingga tahun 2006, iaitu selama 20 tahun keterlibatan dalam penyediaan perlindungan takaful kepada rakyat Malaysia dalam beberapa aspek penting iaitu prestasi industri takaful secara keseluruhan, peningkatan dalam caruman takaful, peningkatan Perniagaan Baru Takaful Keluarga dan akhir sekali analisa perbandingan prestasi industri takaful dengan industri insurans di Malaysia.

1. Prestasi Industri Takaful Secara Keseluruhan

Strategi Kerajaan Malaysia dalam membangunkan sistem kewangan Islam melibatkan satu pakej yang bersepadu melalui pendekatan yang komprehensif merangkumi pembangunan perbankan, insurans, pasaran kewangan dan pasaran modal secara Islam. Pembangunan prasarana kewangan seperti ini telah dapat memperkukuhkan lagi perkembangan perniagaan takaful. Industri takaful di Malaysia telah berkembang

²⁰ Bank Negara Malaysia (BNM) 2008.

²¹ *Ibid.*

dengan pesat dalam sektor insurans sejak ia diperkenalkan pada tahun 1985.²²

Bermula dengan sebuah industri yang hanya mempunyai satu pengendali takaful dengan produk asas yang terhad, industri takaful di Malaysia telah berkembang dengan pesat, berdaya maju dan telah diintegrasikan ke dalam arus perdana sistem kewangan. Perkembangan positif ini dapat dilihat berdasarkan fakta yang menunjukkan bahawa dalam separuh pertama tahun 2007, jumlah aset keseluruhan dana takaful adalah RM7.6 bilion (bersamaan dengan AS \$2.2 bilion).

Jumlah ini mewakili 6.3 peratus daripada jumlah aset keseluruhan dana industri takaful dan insurans. Jumlah berkenaan merupakan peningkatan sebanyak 11 peratus berbanding dengan nilai aset keseluruhan dana industri berkenaan pada penghujung tahun 2006. Daripada segi jumlah caruman sumbangan bersih takaful, sejumlah RM1.2 bilion telah dicatatkan dalam separuh pertama tahun 2007 dan ia merupakan peningkatan sebanyak 36 peratus jika dibandingkan dengan tempoh yang sama pada tahun 2006.²³

Secara ringkas perkembangan industri takaful di Malaysia daripada tahun 1986 sehingga tahun 2006 secara perbandingan relatif adalah boleh dilihat dalam jadual di bawah:-

Jadual 1: Petunjuk-petunjuk Takaful

Perkara	Tahun 1986	Tahun 1990	Tahun 1995	Tahun 2000	Tahun 2004	Tahun 2006
	RM (juta)	RM (juta)	RM (juta)	RM (juta)	RM (juta)	RM (juta)
1. Caruman Pendapatan	1.6	28.4	94.9	522.7	1,123.1	1,720.9
Keluarga	0.6	8.4	37.0	373.0	794.4	1,242.3
Am	1.0	20.0	57.9	149.7	328.7	478.6

²² Bank Negara Malaysia, Perutusan Gabenor Bank Negara Malaysia, 15 April 2003. Laporan Tahunan 2002

²³ Petikan ucapan perasmian Timbalan Gabenor, Datuk Zamani Abdul Ghani, pada Konvesyen Antarabangsa Ketiga mengenai takaful dan takaful semula pada 29 Ogos 2007.

2. Pasaran industri insurans (%)	-	0.8	1.0	3.8	5.1	6.5
3. Aset	1.4	38.2	183.3	1,872.9	5,028.7	6,899.6
Keluarga	0.6	15.5	94.2	1,542.4	4,405.1	5,800.9
Am	0.8	22.7	89.1	330.5	723.5	1,098.1
4. Pasaran industri insurans (%)	-	0.4	0.7	3.7	5.6	5.9
5. Penembusan pasaran	-	0.1	0.3	2.5	5.1	6.1

Sumber: Laporan Tahunan Ketua Pengarah Takaful (1986-2006)

2. Peningkatan Dalam Caruman Takaful

Perniagaan takaful telah menunjukkan prestasi yang membanggakan. Ini dapat dibuktikan dari segi pertumbuhan dalam kedua-dua caruman, caruman takaful keluarga dan takaful am mengambil kira perkembangan fasa kedua dan ketiga program takaful dengan bertambahnya penggendali-pengendali takaful yang diberi lesen bagi menjalankan perniagaan sebagaimana dipaparkan dalam jadual di bawah.

Jadual 2: Pertumbuhan Dalam Caruman Takaful


Bil	Tahun	Takaful Keluarga	Takaful Am	Jumlah (juta)
1	1993	12.4	32.9	45.3
2	1994	15.6	39.0	54.6
3	1995	35.8	47.6	83.4
4	1996	88.2	57.4	145.6
5	1997	122.2	74.2	196.4
6	1998	183.1	91.7	274.8
7	1999	233.0	107.8	340.8
8	2000	373.0	202.7	575.7
9	2001	520.8	266.8	887.6
10	2002	667.5	332.7	1000.2

11	2003	762.5	251.5	1,014.0
12	2004	794.4	328.6	1,123.0
13	2005	825.5	508.2	1,333.7
14	2006	1,300	420.9	1,720.9

Sumber: Laporan Tahunan Ketua Pengarah Takaful (1993-2006)

Gambaran secara terperinci melalui graf caruman takaful memperlihatkan satu trend siri yang membanggakan.

Jadual 3: Graf Pertumbuhan Caruman Takaful Daripada Tahun 1993-2006



Pada tahun 1986, jumlah caruman kasar bagi kedua-dua sektor takaful keluarga dan takaful am adalah hanya RM1.6 juta sahaja iaitu takaful keluarga adalah sebanyak RM0.6 juta berbanding takaful am adalah sebanyak RM1 juta.²⁴ Pada tahun 1990, sumbangan daripada kedua-dua sektor takaful keluarga dan takaful am telah meningkat dengan drastik iaitu mencapai RM28.4 juta meliputi takaful keluarga menyumbang sebanyak RM8.4 juta dan takaful am sebanyak RM20 juta.²⁵

²⁴ Lihat Laporan Bank Negara, Laporan Tahunan Takaful 2004, h. 3.

²⁵ *Ibid.*

Seterusnya, pada tahun 1995 menunjukkan sumbangan caruman kedua-dua sektor takaful telah melonjak peningkatannya dengan lebih ketara apabila dua pengendali takaful iaitu Syarikat Takaful Malaysia Sdn. Bhd. dan Syarikat Takaful National Sdn. Bhd. telah beroperasi bagi tahun tersebut. Peningkatan sumbangan adalah mencapai jumlah sebanyak RM94.9 juta, satu lonjakan melebihi 300% berbanding bagi tahun 1990. Walau bagaimanapun, sektor takaful keluarga masih lagi belum mengatasi sumbangan yang disumbangkan oleh sektor takaful am iaitu takaful keluarga menyumbang sebanyak RM37.0 juta sedangkan sumbangan takaful keluarga adalah sebanyak RM57.9 juta.²⁶

Pada tahun 1996, bermulanya caruman kasar sektor takaful keluarga mengatasi takaful am iaitu pendapatan caruman kasar sektor takaful keluarga memungut jumlah kutipan sebanyak RM88.2 juta berbanding dengan tahun 1995 hanya sebanyak RM35.8 juta, satu peningkatan yang agak besar iaitu 146.3%, sedangkan pada tahun 1996 jumlah kutipan caruman kasar takaful am adalah sebanyak RM57.4 juta dan kutipan pada tahun 1995 adalah sebanyak RM47.6 juta dengan peratusan peningkatan 20.5%.

Peningkatan yang mendadak ini adalah hasil daripada meningkatnya bilangan sijil kenderaan berjin yang dikeluarkan serta nilai kenderaan yang lebih tinggi dan juga pelancaran produk baru iaitu takaful kebakaran jangka panjang dan penukaran perlindungan insurans kebakaran kepada takaful kebakaran oleh kakitangan kerajaan yang mengambil pinjaman perumahan.²⁷ Secara keseluruhan, industri takaful dalam tempoh masa sepuluh tahun (1993-2002) menunjukkan prestasi yang memberangsangkan.

Tahap penguasaan pasaran industri takaful terus meningkat daripada tahun ke tahun. Caruman daripada kedua-dua sektor iaitu takaful keluarga dan takaful am telah bertambah dengan pesat iaitu daripada RM45.3 juta pada tahun 1993 kepada RM1000.2 juta²⁸ pada tahun 2002. Caruman kasar bagi kedua-dua sektor ini telah berkembang dengan sebanyak 22.1 kali dalam tempoh 10 tahun. Ini menunjukkan pertumbuhan yang begitu besar dan menggalakkan bagi industri takaful.

²⁶ *Ibid.*

²⁷ Laporan Tahunan Takaful (1995), Bank Negara Malaysia, h. 16.

²⁸ Gabungan caruman tidak termasuk skim anuiti (SATK) yang diperkenalkan untuk pencair-pencair Kumpulan Wang Simpanan Pekerja yang diberhentikan

Tahap penembusan pasaran bagi perniagaan takaful keluarga dan takaful am meningkat hasil daripada usaha kuat para pengendali takaful dengan melancarkan pelan-pelan takaful baru bagi menambah dan memperluaskan rangkaian produk dalam menarik minat pengguna. Di samping itu, produk-produk sedia ada dikaji semula bagi memastikan manfaat yang ditawarkan mampu mengekalkan daya saingnya. Industri takaful berada pada posisi kukuh untuk terus berkembang selaras dengan perkembangan persekitaran prestasi ekonomi negara dijangkakan bertambah kukuh daripada tahun ke tahun.

Pada tahun 2006, sumbangan bagi kedua-dua sektor takaful keluarga dan takaful am mencecah RM1,720.9 juta, satu pencapaian yang begitu membanggakan bagi industri takaful di Malaysia.²⁹ Perniagaan takaful keluarga telah menyumbang melebihi 75% daripada jumlah sumbangan takaful pada tahun 2006 dan merupakan penggerak utama kepada pendapatan industri takaful di Malaysia.

a. Perniagaan Baru Takaful Keluarga

Penembusan pasaran berdasarkan peningkatan dalam bilangan perniagaan baru menunjukkan trend yang menggalakkan walaupun dalam masa krisis ekonomi dan kewangan. Pada tahun 1995, bilangan sijil baru telah meningkat sebanyak 344.8% berbanding tahun 1994 sebanyak 91.3% iaitu daripada 6,958 sijil kepada 30,952 sijil. Jumlah penyertaan baru dan caruman baru juga meningkat pada kadar yang pesat sekali masing-masing sebanyak 138.2% dan 119.6% kepada RM1,382 juta dan RM24.6 juta pada tahun 1995.

Pada tahun 2005, bilangan sijil baru telah meningkat begitu ketara sekali iaitu daripada 30,952 sijil pada tahun 1995 kepada 356,623 sijil. Jumlah penyertaan baru dan caruman baru juga meningkat pada kadar yang pesat sekali masing-masing sebanyak kepada RM36,281.1 juta dan RM725.5 juta pada tahun 2005 berbanding dengan tahun 1995 iaitu disekitar RM1382.5 untuk penyertaan baru dan RM24.6 juta untuk caruman baru. Sehingga tahun 2006, sebanyak lapan pengendali takaful terlibat secara langsung:

²⁹ Bank Negara Malaysia 2006, *Key Takaful Indicator's* Jadual 1.1.

- Syarikat Takaful Malaysia Sdn. Bhd.
- Syarikat Takaful National Sdn. Bhd.
- CIMB Aviva Takaful Bhd.
- Takaful Ikhlas Sdn. Bhd.
- Hong Leong Tokio Marine Takaful Bhd.
- HSBC Amanah Takaful (Malaysia) Sdn. Bhd.
- MAA Takaful Bhd.
- Prudential BSN Takaful Bhd.

Dalam industri takaful mempunyai sebanyak 15,194 agen yang berkhidmat dengan takaful keluarga dan takaful am iaitu terdiri daripada 11,188 agen takaful keluarga dan 4,006 agen takaful am dan dengan bertambahnya pengendali baru dan penglibatan secara aktif agen-agen tersebut telah membuahkan hasil yang baik di mana didapati jumlah sijil baru telah meningkat kepada 333,247 sijil dan jumlah caruman adalah sebanyak RM1,266.6 juta.³⁰

Perkembangan dalam peningkatan jumlah sijil penyertaan takaful keluarga, penyertaan baru dan caruman baru begitu baik dan cukup memberangsangkan. Berikut dinyatakan jumlah pengendali takaful yang dibenarkan mengendalikan takaful keluarga dan takaful am di Malaysia.

Jadual 4: Bilangan Pengendali Takaful, Bilangan Cawangan dan Bilangan Agen Daripada Tahun 1985-2006

Perkara	Tahun 1986	Tahun 1990	Tahun 1995	Tahun 2000	Tahun 2004	Tahun 2006
Bilangan pengendali takaful	1	1	2	2	4	8
Bilangan cawangan	-	31	42	124	133	151
Bilangan agen	-	-	1,210	4,567	11,842	11,188

Sumber: Laporan Tahunan Ketua Pengarah Takaful (1986-2006)

Secara terperinci Perniagaan Baru Takaful Keluarga dapat dilihat di Jadual 5.

³⁰ Laporan Bank Negara, Laporan Tahunan Takaful 2006.

Jadual 5: Perniagaan Baru Takaful Keluarga

Bil	Tahun	Bil. Sijil (unit)	Pening- katan (%)	Jumlah Penyertaan (RM juta)	Pening- katan (%)	Caru- man	Pening- katan (%)
1	1993	3638	-15.6	402.1	-31.8	6.5	-11.0
2	1994	6958	91.3	580.4	44.3	11.2	72.3
3	1995	30952	344.8	1382.5	138.2	24.6	119.6
4	1996	39366	27.2	1947.1	40.8	55.0	123.6
5	1997	50005	27.0	2317.8	19.0	79.2	44.0
6	1998	56126	12.2	5606.6	141.9	119.3	50.7
7	1999	100511	79.1	5996.3	7.0	154.6	29.6
8	2000	163492	62.7	12067.5	101.2	764.8	394.6
9	2001	229199	40.2	13990.5	13.3	952.0	24.5
10	2002	237037	3.4	14174.8	1.3	452.2	-52.5
11	2003	265,035	11.8	18,329.9	29.3	511.0	13.0
12	2004	290,538	9.6	36,458.1	98.9	603.7	18.1
13	2005	356,623	22.7	36,281.0	-0.5	725.5	20.2
14	2006	332,247	-6.8	31,260.1	-13.8	1,266.6	74.6

Sumber: Laporan Tahunan Ketua Pengarah Takaful (1993-2006)

ANALISA PERBANDINGAN PRESTASI INDUSTRI TAKAFUL DENGAN INDUSTRI INSURANS DI MALAYSIA

Analisa perbandingan ini adalah dalam tiga kategori utama sahaja yang disifatkan amat penting untuk ditatapkan sebagai penjelasan kekuatan yang ada pada industri takaful seiring dengan industri insurans konvensional. Pertumbuhan aset, pertumbuhan pendapatan caruman, penembusan pasaran dijelaskan secara terperinci beserta dengan gambar rajah yang akan memberikan gambaran yang lebih jelas dan bersepadu.

Industri takaful dan insurans menjadi semakin penting dalam landskap kewangan Malaysia baik sebagai penyedia perlindungan risiko mahu pun sebagai kaedah alternatif untuk tabungan dan pelaburan.³¹

³¹ Lihat laporan Sektor Insurans dan Takaful, Laporan Kestabilan Kewangan dan Sistem Pembayaran 2006, Bank Negara Malaysia.

Pencapaian ini berlatar belakangkan peningkatan kesedaran dan penerimaan orang ramai dan perniagaan secara amnya mengenai kepentingan perlindungan risiko. Pada masa yang sama, minat yang meningkat dalam kalangan golongan yang berpendapatan tinggi untuk memilih produk tabungan dan yang berhubung dengan pelaburan seperti produk endowmen dan berkaitan pelaburan yang menawarkan lebih fleksibiliti pelaburan turut menyumbang kepada pertumbuhan sektor ini.³²

1. Aset Kumpulan Takaful dan Insurans

Jadual 6: Aset Kumpulan Takaful dan Insurans

Tahun	Takaful RM (juta)	Perubahan (%)	RM (juta)	Insurans Perubahan (%)
1993	100.5			
1994	122.3		19,910.1	
1995	183.3	49.9	25,493.2	21.9
1996	295.6	61.3	30,926.4	21.3
1997	441.3	49.3	34,958.7	13.0
1998	554.6	25.7	39,324.5	12.5
1999	834.4	50.5	45,397.3	15.4
2000	1,168.2	40.1	50,336.0	10.9
2001	3,019.5	58.4	59,869.2	18.9
2002	3,626.9	20.1	66,639.8	11.3
2003	4,429.1	22.1	76,807.0	15.2
2004	5,028.6	13.5	86,852.4	13.0
2005	5,878.4	16.9	96,638.4	11.2
2006	6,899.6	17.3	108,473.0	12.2
	Purata	35.4	Purata	14.7

Sumber: Laporan Bank Negara Malaysia, Laporan Tahunan Takaful dan Insurans (1993-2006)

³² *Ibid.*

Gambar rajah di atas menunjukkan jumlah aset industri insurans dan takaful terus mencatat pertumbuhan yang menggalakkan iaitu aset industri insurans pada tahun 1995 berjumlah RM25,493.2 juta telah meningkat secara positif daripada tahun ke tahun dan pada tahun 2006 jumlah asetnya telah meningkat kepada RM108,473.0 juta. Satu peningkatan yang besar iaitu dalam kiraan empat kali ganda dan terus mencatat kadar pertumbuhan dua angka disepanjang tahun 1995 hingga tahun 2006.

Jumlah aset industri takaful juga menunjukkan pergerakan yang positif iaitu aset terkumpul telah meningkat dengan pesatnya iaitu pada tahun 1995 jumlah asetnya adalah disekitar RM183.3 juta dan terus menunjukkan perubahan yang ketara daripada tahun ke tahun. Pada tahun 2006, jumlah asetnya berjumlah RM6,899.6 juta dan ini merupakan peningkatan yang besar iaitu dalam kiraan 37.6 kali ganda dan terus mencatat pertumbuhan dua angka disepanjang tahun 1995 hingga tahun 2006. Ia dapat dilihat dengan jelas peratusan perubahan peningkatan jumlah aset begitu tinggi dalam industri takaful disepanjang tempoh 12 tahun (1995-2006).

Sebagai perbandingan, walaupun jumlah aset industri takaful masih lagi kecil iaitu dalam lingkungan RM6,899.6 juta pada tahun 2006 sedangkan jumlah aset industri insurans mencapai RM108,473.0 juta pada tahun 2006 tetapi secara peratusan kadar pertambahan aset dalam industri takaful bergerak dengan lebih cepat dan pantas dan purata dalam tempoh 12 tahun (1995-2006) adalah dengan kadar 35.4% sedangkan dalam tempoh yang sama bagi industri insurans peratusan pertambahan jumlah aset secara purata kadar pertumbuhan adalah disekitar 14.7 sahaja. Ini menunjukkan prospek industri takaful boleh dikembangkan lagi dengan cepat.

Pertambahan jumlah aset menunjukkan satu pola kesedaran yang agak baik dalam kalangan umat Islam di Malaysia dan boleh dikembangkan lagi jika ilmu takaful ini difahami dan dihayati oleh umat Islam peri baiknya mempunyai perlindungan yang halal dari segi syarak dan perlindungan takaful dizaman yang mencabar ini.

2. Caruman Kumpulan Takaful dan Premium Kumpulan Insurans

Sektor insurans dan takaful mencatat gabungan premium dan sumbangan berjumlah RM26.7 bilion pada tahun 2006. Ini merupakan peningkatan

sebanyak 6.8%, yang sebahagian besarnya adalah bagi tempoh separuh tahun kedua apabila jangkaan kenaikan kadar faedah berkurang dan sektor isi rumah serta perniagaan dapat menyesuaikan diri dengan kos sara hidup yang lebih tinggi.³³

Caruman kumpulan takaful berkembang dengan pesat sekali semenjak takaful memasuki industri ini. Takaful industri telah menunjukkan pertumbuhan yang kukuh dalam tempoh 20 tahun lepas. Ia dapat mencerminkan potensinya untuk terus menjadi perantara kewangan yang efektif dalam menyokong pertumbuhan ekonomi negara.³⁴

Jumlah caruman bersih kumpulan takaful meningkat pada kadar purata tahunan sebanyak 40.4% setahun sebagaimana ditunjuk oleh jadual di bawah bermula daripada tahun 1993 caruman takaful adalah sebanyak RM53 juta dan sehingga tahun 2006 caruman kumpulan takaful telah meningkat kepada RM1,720.9 juta.

Industri takaful telah menunjukkan keunggulannya walaupun ketika krisis kewangan Asian pada sekitar tahun 1997 hingga tahun 2000. Jumlah caruman bagi perniagaan kedua-dua takaful am dan takaful keluarga telah meningkat berlipat kali ganda iaitu mencapai ketiga angka seperti tahun 1997 sehingga 2000.

Jadual 7: Jumlah Caruman Takaful Am dan Takaful Keluarga

Tahun	RM (juta)	Peratusan Peningkatan
1997	196.6	34.9
1998	274.6	40.0
1999	340.8	24.0
2000	444.7	30.5

Dengan bertambahnya pengendali takaful yang beroperasi di Malaysia, ia telah mencapai kemajuan yang membanggakan iaitu pada tahun 2004, ketika empat pengendali takaful terlibat dalam perniagaan, jumlah caruman takaful mencapai satu bilion ringgit dan tahun-tahun seterusnya apabila jumlah pengendali takaful telah diberi

³³ *Ibid.*

³⁴ Malaysia Takaful Industry 2005, Bank Negara Malaysia.

lesen perniagaan oleh Kerajaan iaitu menjadi lapan pengendali takaful pada tahun 2006, jumlah caruman takaful telah meningkat kepada RM1,720.9 juta.³⁵

Walaupun bagaimanapun, jika dibanding dengan industri insurans jumlah premium kumpulannya agak besar iaitu pada tahun 1993 bernilai sebanyak RM6,190 juta dan pada tahun 2006, premium kumpulan insurans telah meningkat kepada RM 24,885.8 juta. Walaupun begitu, pertumbuhan kadar purata tahunan hanya disekitar 12.6% sahaja berbanding dengan industri takaful, pertumbuhan kadar purata tahunan pada kadar 40.4%, satu potensi besar dan dijangka terus berkembang pada tahun-tahun mendatang.

Jadual 8: Caruman Kumpulan Takaful dan Premium Kumpulan Insurans

Tahun	Takaful RM (juta)	Perubahan (%)	RM (juta)	Insurans Perubahan (%)
1993	50.9		6,190.8	
1994	75.4	48.1	6,500.0	19.2
1995	83.4	10.5	7,808.1	20.1
1996	145.6	74.6	9,480.6	21.4
1997	196.6	34.9	11,132.3	17.4
1998	274.6	40.0	10,902.9	-2.1
1999	340.8	24.0	11,829.9	8.5
2000	444.7	30.5	12,481.0	5.5
2001	787.6	77.1	14,706.3	17.8
2002	1002.2	27.0	16,805.2	14.3
2003	1,014.0	1.1	18,812.3	10.6
2004	1,123.0	10.7	22,041.9	17.1
2005	1,333.7	18.7	23,554.7	6.8
2006	1,720.9	29.0	24,885.8	5.6
		40.4	Purata	12.6

Sumber: Laporan Bank Negara Malaysia, Laporan Tahunan Takaful dan Insurans (1993-2006)

³⁵ Bank Negara Malaysia, Laporan Tahunan Takaful 2006.

3. Penembusan Pasaran Takaful Keluarga dan Pasaran Insurans Hayat

Malaysia boleh dikatakan sebuah Negara Islam yang membangun yang mencatat kadar penembusan insurans dan takaful yang agak tinggi, kira-kira 38.5% tetapi kadar penembusan masyarakat Islam dianggarkan 15% atau separuh berbanding keseluruhan penduduk.³⁶

Penembusan pasaran bagi perniagaan takaful keluarga di Malaysia dapat dilihat dengan jelas dengan meneliti Jadual 9 di bawah, ia menunjukkan peningkatan daripada sepanjang tahun-tahun perniagaannya. Penembusan pasaran takaful dalam kalangan penduduk Malaysia boleh diperolehi dengan perkiraan (jumlah sijil berkuatkuasa pada tahun tertentu dibahagikan dengan jumlah penduduk pada tahun tertentu) sedemikian.

Sebagai contoh, dalam tahun 1995 hanya sebanyak 55,035 unit bilangan sijil berkuatkuasa dengan kadar penembusan sebanyak 0.3% sahaja telah meningkat kepada 1.2% pada tahun 1999 sebagaimana dapat dilihat dalam Jadual 9.

Pada tahun 2002, sebanyak 932,212 unit bilangan sijil berkuatkuasa telah dapat dikuasai oleh sektor takaful. Ini bermakna peratusan penembusan pasaran dikalangan penduduk Malaysia telah meningkat sebanyak 3.8%. Ia menunjukkan perkembangan sektor takaful yang berterusan walaupun masih kecil berbanding dengan sektor insurans yang menguasai sebanyak 8,506,730 sijil berkuatkuasa menunjukkan penembusan dalam kalangan penduduk Malaysia sebanyak 34.7% pada tahun yang sama.

Pertumbuhan ini adalah kerana hasil daripada pertumbuhan perniagaan baru yang melebihi kadar serahan telah menyumbangkan ke arah peningkatan perniagaan berkuatkuasa bagi takaful keluarga pada tahun 2002. Dijangkakan pertumbuhan akan terus meningkat dengan kemasukan pengendali takaful baru dan juga pemasaran secara terus dan perkhidmatan agen merupakan saluran utama bagi perniagaan takaful keluarga.

³⁶ Lihat Bank Negara Malaysia, Laporan Tahunan Takaful tahun 2002 dan Laporan Tahunan Insurans tahun 2002.

Begitu juga pengendali takaful telah mengadakan atau memeterai perikatan strategik dengan institusi perbankan bagi memasarkan produk-produk takaful di rangkaian cawangan institusi perbankan.

Jadual 9: Penembusan Pasaran Takaful Keluarga dan Pasaran Insurans Hayat

Tahun	Penduduk (Juta)	Unit Polisi Kadar Takaful Keluarga		Penembusan Pasaran Insurans Hayat	
		Unit	Peratusan	Unit	Peratusan
1993		18,346		3,736,775	
1994		24,590			
1995	20.7	55,035	0.3	4,977,200	24.0
1996	21.2	76,393	0.4	5,358,028	25.3
1997	21.7	112,605	0.5	5,926,324	27.3
1998	22.2	160,944	0.7	6,318,992	28.5
1999	22.7	279,491	1.2	7,038,691	31.0
2000	23.2	572,354	2.4	7,240,355	31.2
2001	24.0	771,265	3.2	7,890,907	32.8
2002	24.5	932,212	3.8	8,506,730	34.7
2003	25.3	1,128,446	4.6	9,228,966	36.4
2004	26.0	1,315,195	5.1	9,723,010	37.3
2005	26.7	1,499,691	5.6	10,144,771	37.9
2006	27.0	1,717,230	6.3	10,534,525	39.0

Sumber: Bank Negara Malaysia (1995-2006)

Tahap penembusan pasaran bagi perniagaan takaful keluarga meningkat pada kadar yang berterusan daripada tahun ke tahun iaitu pada tahun 2003 pada kadar 4.6%, pada tahun 2004 pada kadar 5.1%, pada tahun 2005 pada kadar 5.6% dan meningkat kepada 6.3% pada tahun 2006.³⁷

³⁷ Lihat Laporan Tahunan Takaful, 2003, 2004, 2005 dan 2006, Prestasi Industri Takaful.

Pengendali takaful melancarkan pelan-pelan takaful baru (produk takaful) bagi menambah dan meluaskan rangkaian produk-produk sedia ada dikaji semula bagi memastikan manfaat yang ditawarkan mampu mengekalkan daya saingnya. Dengan keterlibatan pengendali-pengendali takaful secara aktif telah menyumbangkan kepada penembusan pasaran takaful keluarga yang lebih besar.³⁸

Industri takaful berada diposisi kukuh dan terus berkembang selaras dengan persekitaran prestasi ekonomi bagi tahun 2006, tahun 2007 dan 2008. Walau bagaimanapun, jika dibanding dengan industri insurans konvensional pertumbuhan penebusan pasaran takaful masih lagi kecil yang mana industri insurans nyawa masih mengekalkan kadar pertumbuhannya dalam tahun 2004, 2005, 2006 dan seterusnya pada tahun-tahun yang mendatang seperti mana ditunjukkan dalam Jadual 9. Bilangan polisi baru dan kadar pertumbuhan yang berterusan kukuh bagi perniagaan baru dan penamatan yang bertambah baik dalam tahun-tahun lepas telah menyebabkan perkembangan berterusan insurans nyawa yang berkuatkuasa.³⁹

a. Peratusan Aset Kumpulan Takaful Berbanding Dengan Insurans

Sebagai perbandingan aset kumpulan takaful dengan aset kumpulan insurans, peningkatan kadar peratusannya adalah jelas menunjukkan satu kemajuan yang berterusan iaitu daripada 0.7% pada tahun 1995, meningkat kepada melebihi 1% pada tahun 1997 dan seterusnya melebihi 5% bermula pada tahun 2001 dan melangkau kadar melebihi 6% pada tahun 2005 dan terus meningkat kepada 6.3% pada tahun 2006.

Perincian peratusan aset kumpulan takaful secara perbandingan dengan aset kumpulan insurans boleh dilihat dengan jelas dalam Jadual 10 di bawah:

³⁸ *Ibid.*

³⁹ *Ibid.*

Jadual 10: Peratusan Aset Kumpulan Takaful Berbanding Dengan Insurans

Tahun	Takaful (juta)	Insurans (juta)	Peratusan (%)
1993	42.6		
1995	58.5		
1995	183.3	25,493.2	0.7
1996	295.6	30,926.4	0.9
1997	441.3	34,958.7	1.3
1998	554.6	39,324.5	1.4
1999	834.4	45,397.3	1.8
2000	1,168.2	50,336.0	2.2
2001	3,019.5	59,869.2	5.0
2002	3,626.9	66,639.8	5.4
2003	4,429.1	76,807.0	5.7
2004	5,028.6	86,852.4	5.7
2005	5,878.4	96,638.4	6.1
2006	6,878.4	108,473.0	6.3

Sumber: Bank Negara Malaysia (1995-2006)

b. Peratusan Pendapatan Caruman Takaful Berbanding Dengan Insuran

Pencapaian pasaran takaful terus meningkat dengan caruman pada tahun 1995 hanya RM83.4 juta kepada RM1002.2 juta pada tahun 2002, hasil daripada pertumbuhan caruman gabungan perniagaan takaful keluarga dan takaful am.

Penembusan pasaran bagi perniagaan takaful keluarga telah menyumbang kepada peningkatan pendapatan caruman takaful. Pada tahun 2006, jumlah caruman semakin meningkat iaitu mencecah kepada RM1,720.9 juta, hasil daripada memasukkan dan kesungguhan dalam pemasaran oleh pengendali-pengendali takaful.

Pemasaran terus dan perkhidmatan ejen masih lagi merupakan saluran pemasaran utama bagi perniagaan takaful keluarga, pengendali takaful juga telah memeterai perikatan

strategik dengan institusi perbankan untuk memasarkan produk-produk takaful di rangkaian cawangan institusi perbankan.

Sebagai perbandingan caruman takaful dengan sumbangan premium insurans, peningkatan kadar peratusannya adalah jelas menunjukkan satu kemajuan yang berterusan iaitu daripada 1.1% pada tahun 1995, meningkat kepada melebihi 1.8% pada tahun 1997 dan seterusnya melebihi 3.0% bermula pada tahun 2000 dan melangkau kadar melebihi 5% pada tahun 2001 dan terus meningkat kepada 6.9% pada tahun 2006.

Perincian peratusan pendapatan caruman takaful secara perbandingan dengan pendapatan premium insurans boleh dilihat dengan jelas dalam Jadual 11 di bawah:

Jadual 11: Peratusan Pendapatan Caruman Takaful Berbanding Dengan Insurans

Tahun	Takaful (Juta)	Insurans (Juta)	Peratusan (%)
1993	42.6		
1994	58.5		
1995	83.4	7,808.1	1.1
1996	145.6	9,480.6	1.5
1997	196.6	11,132.3	1.8
1998	274.6	10,902.9	2.5
1999	340.8	11,829.9	3.1
2000	444.7	12,481.0	3.8
2001	787.6	14,706.3	5.3
2002	1,002.2	16,805.2	5.9
2003	1,014.0	18,812.3	5.3
2004	1,123.0	22,041.9	5.1
2005	1,333.7	23,554.7	5.6
2006	1,720.9	24,885.8	6.9

Sumber: Bank Negara Malaysia (1995-2006)

Industri insurans konvensional mengekalkan pertumbuhannya dengan jumlah caruman meningkat daripada tahun ke tahun. Daripada RM7,808.1 juta pendapatan premium pada tahun 1995, telah meningkat

melebihi RM20 juta bilion pada tahun 2004 dan mencapai pendapatan premium RM24,885.8 juta bilion pada tahun 2006 adalah pertambahan yang besar.

Walau bagaimanapun, kedua-dua agensi perlindungan ini menunjukkan pertumbuhan yang baik dan menyakinkan pada masa depan berdasarkan keterbukaan ekonomi dan kewangan Malaysia. Ekonomi Malaysia berkembang 5.9% pada tahun 2006. Prestasi sektor takaful dan insurans yang kukuh pada tahun 2006 telah menyumbang kepada peningkatan daya tahan dan keteguhan agensi ini pada masa hadapan.

PROSPEK INDUSTRI TAKAFUL DI MALAYSIA PADA MASA HADAPAN

Industri takaful mempunyai potensi yang amat cerah untuk berkembang sebagai pilihan insurans utama bagi negara-negara Islam atau negara yang mempunyai bilangan penduduk Islam yang agak ramai. Jumlah penduduk Islam diseluruh dunia adalah kira-kira 1,700 juta orang, sementara bilangan penduduk Islam di negara-negara Islam sahaja seramai 850 juta orang. Sedangkan pemilikan insurans adalah amat kecil iaitu kurang 5% daripada keseluruhan premium dunia. Purata seorang Islam hanya berbelanja AS \$15 atau kurang RM60 seorang setahun untuk premium insurans.⁴⁰

Pemilikan insurans yang rendah ini adalah mungkin disebabkan oleh keraguan umat Islam terhadap insurans itu di sisi syariah dan jika polisi insurans itu dibeli adalah kerana disyaratkan oleh undang-undang negara mengambilnya bagi tujuan tertentu seperti insurans kenderaan diwajibkan mengambilnya untuk membolehkan penggunaan kereta berenjin di jalan raya.

Industri takaful mencatatkan prestasi lebih baik dengan gabungan caruman takaful keluarga dan am pada tahun 2006 berkembang 29% kepada RM1.72 bilion. Bank Negara Malaysia melaporkan penguasaan pasaran takaful dalam keseluruhan pasaran industri insurans tempatan telah meningkat kepada 5.9% berbanding 5.6% tahun 2006. Jumlah aset kumpulan wang takaful turut bertambah 17.9 % kepada RM5.87

⁴⁰ <http://www.takaful-malaysia.com/article.php?sid 12/8/01>.

bilion merangkumi 6.3% daripada industri insurans tempatan pada tahun 2006 berbanding 6.1% tahun 2005.⁴¹

Sementara industri insurans tempatan juga mencatatkan pertumbuhan yang positif tahun 2006 dengan peningkatan pendapatan premium 5.6% kepada RM24,885.8 bilion berbanding RM23,554.7 bilion pada tahun 2005. Aset kumpulan wang industri insurans pula berkembang 12.24% kepada RM108,473 bilion. Peningkatan aset kumpulan industri ini adalah sebahagian besarnya hasil peningkatan aset dana sektor insurans hayat sepanjang tahun 2006.⁴²

Industri takaful berada dalam kedudukan yang kukuh untuk terus berkembang sejajar dengan prestasi ekonomi yang dijangkakan lebih kukuh pada tahun 2007. Peningkatan perniagaan takaful keluarga yang merangkumi 75.55% daripada caruman kekal sebagai penjana utama industri takaful. Peningkatan itu adalah sebahagian besar dijana oleh takaful gadai janji berikutan meningkatnya pembiayaan perumahan oleh kewangan Islam dan peruntukan pembiayaan perumahan secara Islam oleh Kerajaan kepada kakitangan awam.⁴³ Kadar penembusan pasaran turut meningkat kepada 6.3% pada tahun 2006 berbanding 6.1% tahun 2005.

Bagi industri insurans tempatan, pendapatan daripada industri insurans hayat meningkat ketara sebanyak 39.0% kepada RM10,534,425 juta tahun 2006 berikutan pertumbuhan premium perniagaan baru. Kadar penembusan pasaran berkembang kepada 39% pada tahun 2006 berbanding 37.9% tahun 2005.⁴⁴

Takaful am terus berkembang dengan caruman kasar meningkat 29.5% kepada RM717.2 juta. Sektor permotoran mencatatkan pertumbuhan lebih kukuh iaitu sebanyak 43% kepada RM297.9 juta. Sektor kebakaran pula menguasai 32.7% daripada jumlah caruman kasar dengan mencatatkan kadar pertumbuhan 34.7%, berikutan dasar taja jamin yang ketat sepanjang tahun 2006.⁴⁵

⁴¹ Bank Negara Malaysia, Laporan Tahunan Takaful 2003.

⁴² Bank Negara Malaysia, Laporan Tahunan Insurans 2003.

⁴³ *Ibid.*

⁴⁴ *Op. cit.* Bank Negara Malaysia, Laporan Tahunan Insurans 2003.

⁴⁵ *Ibid.*

Bagi industri insurans am pula, pertumbuhan sebanyak 2.7% kepada RM9,639.3 juta tahun 2006 berbanding RM9,388.2 juta pada tahun 2005, pertumbuhan sederhana ini disebabkan penurunan premium insurans motor berikutan kejatuhan jualan kenderaan dan kelembapan kadar premium perniagaan insurans marin, udara serta transit dipasaran antarabangsa sepanjang 2006.⁴⁶ Sektor insurans motor terus menguasai sebahagian besar perniagaan insurans am dengan menyumbangkan 44.6% jumlah premium kasar langsung.

Jumlah tuntutan kasar takaful am tahun 2006 pula adalah sebanyak RM209.5 juta dengan nisbah tuntutan bersih naik kepada 35.2% berbanding 28.7% pada tahun 2005.⁴⁷

Berdasarkan Laporan Ekonomi 2005/2006, Malaysia menjangkakan kadar pertumbuhan antara 6% hingga 6.5% pada tahun hadapan daripada jangkaan 4% hingga 5% pada tahun 2005 memandangkan semua sektor ekonomi diramalkan berkembang. Tambahan pula, Kerajaan telah mengumumkan pakej kewangan khas bagi mempertingkatkan pertumbuhan ekonomi Malaysia.

Penyertaan badan-badan korporat, termasuk syarikat-syarikat multi-nasional dalam pelbagai produk takaful khususnya bawah perniagaan takaful am turut meningkat. Dengan pengalaman semakin mendalam tentang perniagaan oleh pengendali-pengendali takaful dalam menyediakan produk-produk takaful yang berpadanan nilai wang yang memenuhi dan memuaskan permintaan pelanggan dan sedar tentang pasaran semasa serta menfokuskan kepada kehendak pelanggan, sudah tentu boleh menambat pelanggan baru dan juga dapat mengekalkan pelanggan yang sedia ada kekal berterusan.

Perkara penting adalah strategi tertentu bagi mempertingkatkan tahap profesional pegawai pemasaran bagi memasarkan produk-produk takaful selaras dengan galakan menabung dalam kalangan penduduk seperti yang disarankan oleh Kerajaan bagi memupuk disiplin menyimpan dan berbelanja mengikut kemampuan.

⁴⁶ Bank Negara Malaysia, Laporan Tahunan Insurans 2006.

⁴⁷ *Ibid.*

PENUTUP

Industri takaful di Malaysia dijangkakan akan berkembang dengan pesat sejajar dengan perkembangan ekonomi negara yang mantap dan berterusan terutama dalam dalam sektor perniagaan takaful keluarga berdasarkan pasaran sektor ini masih belum diterokai sepenuhnya dalam kalangan masyarakat Islam dan juga takaful mulai diminati dan diterima oleh dalam kalangan masyarakat Malaysia.

Sehubungan dengan itu, industri takaful menjadi semakin penting dalam landskap kewangan Malaysia, baik sebagai penyedia perlindungan risiko mahu pun sebagai kaedah alternatif tabungan dan pelaburan di samping aspek bantu-membantu sesama peserta takaful. Begitu juga dengan bertambahnya pengetahuan tentang maklumat berkaitan dengan keselamatan sosial selaras dengan tuntutan Islam supaya setiap individu itu sentiasa peka dan seboleh-bolehnya memastikan jiwa raganya, orang bawah tanggungannya dan harta bendanya terjamin dan terpelihara.

Atas kesedaran masyarakat dan juga penyediaan pelan-pelan yang menyediakan perlindungan yang sesuai dari segi kemampuan terutamanya dalam skim yang melibatkan perlindungan pelajaran, perubatan dan kesihatan akan mendapat sambutan baik daripada masyarakat untuk menangani peningkatan kos pengajian dan perubatan.

Industri takaful di Malaysia menunjukkan ia kian berkembang dan menjadi satu keperluan kepada masyarakat moden hari ini sebagaimana masyarakat Jepun telah menikmatinya daripada hasil perlindungan insurans yang disertai oleh mereka.